

# Kepentingan semua pihak mesti diambil kira

U. 16 JUN 1994

KUALA LUMPUR 15 Jun rusnya berkata, dalam pertemuan beliau dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan harus melihat kepentingan semua pihak sebelum membuat sebarang keputusan berhubung memorandum Pergerakan Pemuda MCA yang meminta supaya ekuiti dalam syarikat usahasama antara bumiputera dengan bukan bumiputera dihapuskan.

Dr. Mahathir berkata, kerajaan menghormati pandangan itu, bagaimanapun, dalam masa yang sama kepentingan pihak lain juga harus diambil kira.

"Dia (Pemuda MCA) buat (memorandum) kita tengoklah... tak kan kita tak ambil kira kepentingan yang lain," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian kepada pemberita selepas menyaksikan upacara menandatangani perjanjian usahasama di antara Pembinaan Jayabumi (S) Sdn. Bhd. dengan P.P Center Co. Ltd, Thailand dan Hormozgan Province Municipalities Corporation, Iran.

Dr. Mahathir mengulas mengenai memorandum Pergerakan Pemuda MCA yang mencadangkan supaya kuota 30 peratus dalam syarikat usahasama di antara bumiputera dengan bukan bumiputera dihapuskan.

Perdana Menteri sete-

rusnya berkata, dalam pertemuan beliau dengan delegasi Pemuda MCA Kebangsaan semalam, beliau telah menerangkan bahawa di samping kerajaan menghormati pendapat pergerakan itu, kerajaan juga harus menghormati pendapat pihak lain.

Sehubungan itu, katanya, cadangan Pemuda MCA tersebut akan dibicarakan pertimbangan yang sewajarnya.

Ditanya adakah wajar persoalan mengenai kuota itu ditimbulkan di saat-saat menjelang pilihanraya Dr. Mahathir berkata, "Saya ingat soal wajar tak wajar tak timbul... bila dalam politik dia usaha untuk dirilah... tak apalah... bukan masalah... bukan untuk berkecuali... bukan untuk bertumbuk... nak bercakap sahaja."

Dalam perkembangan yang berkaitan, Ketua Pemuda MCA, Datuk Chan Kong Choy berkata, cadangan pergerakan itu adalah bagi menggalakkan lebih banyak perhubungan perniagaan Cina-Melayu yang tulus.

"Keadaan ini akan memberi peluang untuk semua kaum mempelajari kekuatan sesama mereka dan dapat mengikiskan usahasama jenis 'Ali Baba' yang kurang sihat," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.